

*(Uusan Malaysia (Timur) 13/9/18 (khamis) n/s 26*

BC  
BY  
O



SEBAHAGIAN warga UMP yang mengambil bahagian dalam program Kayuhan Merdeka di kampus universiti itu di Pekan, Pahang, baru-baru ini.

## 61 warga UMP sertai program Kayuhan Merdeka

**PEKAN 12 Sept.** – Sebanyak 61 peserta Kayuhan Merdeka berbasikal mengelilingi Universiti Malaysia Pahang (UMP) Kampus Pekan di sini sambil mengibarkan Jalur Gemilang bagi menyemarakkan semangat patriotik dalam kalangan warga institusi pengajian tinggi berkenaan.

Sepanjang kayuhan itu, mereka singgah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Perpustakaan, Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan seterusnya Pusat Teknologi Maklumat dan Komunikasi untuk bertemu dengan anak-anak cilik di Taska Anaku Comel UMP bagi mengagihkan Jalur Gemilang bagi menyebar-

kan semangat kemerdekaan serta cintakan negara.

Ketibaan para peserta di Bangunan Canseleri Tun Abdul Razak disambut Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UMP, Profesor Datuk Dr. Yusarie Zainuddin yang turut melekatkan Jalur Gemilang pada kereta dan kenderaan universiti.

Yusarie berkata, sepanjang bulan ini menyaksikan Jalur Gemilang berkibar menghiasi bangunan dan pejabat di UMP Kampus Gambang dan Pekan bagi menyemarakkan sambutan Bulan Kemerdekaan.

Malah kata beliau, pelbagai pro-

gram menarik disusun sepanjang bulan ini sehingga menjelang Hari Malaysia pada 16 September ini.

"UMP mengadakan beberapa aktiviti seperti pertandingan fotografi, Lensa Merdeka 61 dan video pendek, Lensa Bakti.

"Turut berlangsung adalah pelancaran Festival Aku Dahar Anak Malaysia bagi menyemarakkan semangat jati diri serta meningkatkan kesedaran tentang sejarah kemerdekaan serta menanamkan perasaan sayang kepada negara," katanya sempena pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan peringkat universiti itu di sini, baru-baru ini.